

CNS8522

R GB 04-02 00220 BA336

bah

Mahathir - Sekatan

MAHATHIR PUJI PENARIKAN BALIK SEKATAN PERDAGANGAN KE ATAS VIETNAM

Daripada Azman Ujang

I

MANILA, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyambut baik keputusan Amerika Syarikat untuk menarik balik sekatan perdagangannya terhadap Vietnam, dengan berkata Vietnam yang lebih makmur akan meningkatkan kestabilan di rantau ini.

Beliau berkata sekatan itu sepatutnya ditarik sejak dahulu lagi.

Tidak ada faedahnya bagi Amerika Syarikat ataupun negara-negara lain khususnya di rantau ini untuk mengekalkan sekatan itu hanya kerana isu askar-askar Amerika yang hilang ketika bertugas semasa Perang Vietnam semata-mata, katanya.

"Dalam mana-mana peperangan, pihak yang terlibat akan kehilangan banyak tentera ketika berjuang. Jika sesuatu pihak terpaksa menunggu untuk mencari setiap seorang daripada mereka, ia akan mengambil masa yang lama," kata beliau ketika menjawab soalan daripada seorang peniaga Filipina pada majlis makan tengah hari yang diadakan untuk beliau oleh Dewan Perniagaan dan Industri Filipina di sini.

Presiden Bill Clinton mengumumkan penarikan sekatan selama 19 tahun itu hari ini.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk lawatan rasmi empat hari, berkata penarikan balik sekatan itu akan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi Vietnam yang sedang pesat sekarang, dengan itu akan menggalakkan negara-negara lain di rantau ini untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan. -- Lagi.

▼04/02/20-11MST

CNS8523

R GB 04-02 00142 BA337

bah

Mahathir - Sekatan 2 Manila

Penamatan sekatan itu bukan sahaja akan menguntungkan Vietnam menerusi pemulihan ekonominya tetapi juga kepada Amerika Syarikat dan negara-negara lain, katanya.

"Malaysia percaya bahawa setiap negara patut menikmati kemakmuran kerana dengan cara ini kemungkinan untuk ia menimbulkan masalah kepada jiran-jirannya adalah kecil.

"Jika sebuah negara itu miskin, ia boleh menimbulkan masalah-masalah melewati sempadan," kata beliau.

Beliau berkata pelaburan Jepun di Malaysia bukan sahaja telah memakmurkan negara itu tetapi sebaliknya, Jepun juga mendapat faedah kerana semakin ramai rakyat Malaysia membeli barangan Jepun.

Rakyat Malaysia kini digalakkan supaya melabur di luar negara bukan sahaja untuk mendapatkan pulangan daripada pelaburan mereka, tetapi juga untuk membolehkan mereka mempunyai kepentingan dalam memelihara kemakmuran negara-negara lain dan menyumbang ke arah keamanan dan kestabilan rantau ini. -- Bernama

AU MZ NMO

▼04/02/20-13MST